

# Kerajaan tidak akan tarik balik keputusan Kabinet - PM

# Batal jambatan kekal

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN  
dan ROHAN1 IBRAHIM

**JOHORBAHRU 14Ogos** - Mukta-  
mad. Keputusan pembatalan pembinaan Jam-  
batan Indah menggantikan Tambak Johor  
adalah kekal dan tidak akan ditarik balik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah  
Ahmad Badawi berkata, Kabinet telah mem-  
bincangkan mengenai projek itu secara teliti  
dan telah membuat keputusan.

"Beliau (Tun Dr. Mahathir Mohamad) bo-  
leh kata apa sahaja yang beliau suka. Saya  
Perdana Menteri, saya yang memutuskan  
apa yang terbaik untuk rakyat," katanya  
kepada pemberita selepas melancarkan MSC  
Malaysia Cyber Centre di sini, hari ini.

Dr. Mahathir, bekas perdana menteri yang  
sejak kebelakangan ini mengkritik hebat  
pentadbiran Abdullah, semalam berkata be-  
liau hanya akan berhenti daripada mengkri-  
tik kerajaan sekiranya pembinaan Jambatan  
Indah diteruskan semula.

Malah difahamkan Badan Perhubungan  
UMNO Negeri Johor yang mengadakan per-  
temuan tertutup dengan Abdullah hari ini  
turut bersetuju untuk tidak lagi menimbul-  
kan isu tersebut.

Namun ketika ditanya mengenai pendiri-  
an Dr. Mahathir untuk terus mempersoalkan  
kerajaan yang membatalkan projek itu, Abdul-  
lah tidak menghalang beliau daripada mem-  
berikan apa jua pandangan dan kritikan.

"Tidak apalah... beliau boleh bercakap apa  
sahaja."

Perdana Menteri yang terus diasak dengan  
soalan, adakah ini bermakna keputusan pem-  
batalan projek jambatan itu tidak akan dikaji  
semula, kemudiannya menggelengkan kepala.

Ditanya mengenai Kompleks Pemeriksaan  
Kastam, Kuarantin dan Imigresen (CIQ)  
yang dijangka lewat disiapkan ekoran per-  
mintaan penangguhan oleh kontraktor Ger-  
bang Perdana Sdn. Bhd. (GBSB), Abdullah  
yakin kontraktor terbabit akan berusaha me-  
nyiapkannya secepat mungkin.

Beliau turut menekankan pentingnya

## Batal jambatan kekal

pembinaan jambatan baru yang akan menghubungkan rang-  
kaian jalan dari kompleks itu ke Tambak Johor.

"Jambatan CIQ itu adalah untuk menggantikan Jambatan  
Indah yang kita tidak jadi bina. Saya percaya kita perlu  
menggunakan kompleks yang hampir siap ini kerana kemuda-  
hannya cukup untuk melancarkan trafik.

"Apa yang perlu dilakukan ialah mewujudkan jalan-jalan  
yang menghubungkan CIQ baru dengan tambak dan apabila  
ini berlaku kesesakan lalu lintas dapat diatasi kerana kemuda-  
han termasuk lorong pemeriksaan yang disediakan boleh  
menampung jumlah kenderaan yang banyak." katanya.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini  
memberitahu, kontraktor pembinaan CIQ terbabit telah me-  
minta penangguhan kedua selama lima bulan lagi untuk  
menyediakan projek bernilai RM1.3 bilion itu.

Dengan penangguhan itu, projek tersebut yang sebelum ini  
dijadual siap pada akhir tahun ini dan digunakan Januari  
tahun depan, hanya akan siap pada 28 Februari 2007.